

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH 15.3.2016

SOALAN

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan

- (a) mengapa Kementerian tidak menyenaraikan peruntukan untuk setiap jenis aliran sekolah pada tahun 2016; dan
- (b) jumlah peruntukan yang akan diberi kepada setiap sekolah pada tahun 2016 mengikut aliran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan untuk membangunkan dan menyelenggara fasiliti pendidikan untuk semua jenis sekolah mengikut aliran. Seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2016, sebanyak RM500juta telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, KPM masih lagi menunggu perincian pembahagian peruntukan mengikut aliran sekolah dari pihak Kementerian Kewangan.